

MEMBINA INSAN BERPERSONALITI UNGGUL: FUNGSI PENDIDIKAN DAN PERANAN PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM (CITU)

Rasid Muhamad, Mohd Kamal Azman Jusoh dan Aiza Budin
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Pahang

ABSTRAK

Personaliti unggul, atau 'Towering Personality', adalah kalimah yang sering diungkapkan untuk menunjukkan seseorang insan mempunyai unsur "*tawazun*" iaitu keseimbangan di dalam hidupnya. Kertas kerja ini mengupas mengenai pembinaan insan yang berpersonaliti unggul melalui pendidikan dan peranan yang dimainkan oleh CITU, UiTM. Perbincangan tentang personaliti unggul ini sudah banyak diperbahaskan, namun apa yang penting kesungguhan dan keseriusan untuk merealisasikan hasrat tersebut. Di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA (UiTM) amnya dan UiTM Pahang khususnya, peranan CITU dapat diungkap dengan kerjasama dari pelbagai pihak untuk sama-sama merealisasikan hasrat UiTM untuk melahirkan pelajar berpersonaliti unggul.

PENGENALAN

Pendidikan sebagaimana yang ditakrifkan sebagai "memanusiakan manusia seutuh dan setulennya" (Rasid 2003) itu merupakan wadah penting pembentuk generasi. Tidak hairanlah jikalau Saidina Umar pernah mengungkapkan, "Ajarilah anak kamu dengan betul kerana mereka dilahirkan bukan untuk zaman kamu". Begitu juga dengan pepatah China yang pernah menyatakan, "Jikalau kamu merancang untuk satu tahun tanamlah gandum, jikalau kamu merancang untuk sepuluh tahun tanamlah pokok, dan jikalau kamu merancang untuk seribu tahun, tanamlah manusia". (Khurshid Ahmad 1978). Oleh itu, jika mahu melahirkan insan berpersonaliti unggul, pendidikan adalah wadah yang terpentingnya dan proses pendidikan ini memerlukan jangka masa yang amat panjang.

KENAPA MANUSIA BERPERSONALITI UNGGUL

Isu melahirkan manusia berpersonaliti unggul bukanlah suatu isu baru pada hakikatnya, tetapi diungkap dengan istilah yang lain bersesuaian dengan cabaran dan tuntutan zaman. Manusia berpersonaliti unggul amat penting untuk difahami dan dilahirkan berdasarkan beberapa alasan. Di antara alasan-alasan tersebut adalah:

1. Umat Islam sewajarnya menjadi umat yang berpersonaliti unggul kerana mereka sememangnya bersifat sedemikian. Allah s.w.t telah menyifatkan mereka sebagai umat terbaik "*Khaira Ummah*" sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kau menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar Iman)". (Ali-Imran : 110).

2. Dalam era globalisasi iaitu dunia tanpa sempadan serta kegilaan manusia terhadap "*Information Communication Technology*" (ICT) telah menuntut umat Islam supaya mempunyai kekuatan dalaman bagi membolehkan mereka hidup dan mampu bersaing dalam dunia yang penuh dengan persaingan ini. Oleh itu, mahu tidak mahu umat Islam perlukan personaliti unggul untuk memartabatkan Islam secara am dan Melayu secara khasnya.
3. Umat Islam masih lagi dilanda penyakit dalaman yang parah, seperti yang diungkapkan oleh Dr Abdullah Al-Khatir (1993), yang di antara lainnya melibatkan masalah-masalah berikut:
 - Mempunyai sifat mudah kecewa dan putus asa dalam menghadapi cabaran dan realiti, serta gagal menguasai keadaan.
 - Berkembangnya sifat berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi dan di belenggu dengan fenomena "*rasa selamat*".

- Suburnya budaya “*taqlid*”, suka meniru, bukan mencipta.
- Menerima dan selesa dengan unsur-unsur kehidupan yang datang dari luar terutamanya dari Barat.
- Berserah dan rela dengan kedudukan lemah dan tidak kuat.
- Tidak berbangga malah malu untuk menghayati dan menonjolkan jati diri Islam.
- Tidak mempunyai wawasan hidup yang betul dan jelas.
- Bersikap difensif dan suka mencari alasan.
- Tidak minat untuk mempertahankan dan menyebarkan Islam.
- Melayari hidup tidak berdasarkan nilai dan prinsip Islam.

MANUSIA BERPERSONALITI UNGGUL PELBAGAI PERSPEKTIF

Insan berpersonaliti unggul boleh dilihat melalui pelbagai perspektif. Dalam konteks falsafah pendidikan negara, insan tersebut merupakan insan yang dihasratkan oleh falsafah tersebut iaitu:

“Pendidikan Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan memakmurkan masyarakat dan negara”.

(Kementerian Pendidikan Malaysia 1990 : 6)

Insan berpersonaliti unggul harus mempunyai sejumlah nilai-nilai yang mulia disamping kemahiran yang juga sesuai antara nilai tersebut. Menurut Ahmad (Kementerian Pendidikan (1990), nilai-nilai tersebut ialah:

- Mempunyai kesedaran, kefahaman, keyakinan dan kesyukuran
- Mempunyai semangat cintakan nilai-nilai suci
- Menghormati kebaikan dan membenci keburukan
- Mempunyai sifat positif yang berguna kepada agama, bangsa dan negara
- Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan
- Menjalankan amanah dengan dedikasi
- Melatih diri dengan disiplin
- Sentiasa meningkatkan hasil atau produktiviti
- Berusaha untuk mencapai kecemerlangan

Dalam dimensi yang lebih teknikal, insan berpersonaliti unggul itu harus memiliki sejumlah sifat yang utama, yang antara lainnya disarankan oleh Dr. Wan Hamidon (2005) apabila beliau membicarakan persoalan mahasiswa bertaraf dunia iaitu :

- Menguasai ICT
- Kemahiran komunikasi yang baik
- Penggunaan Bahasa Inggeris
- Inovatif
- Menunjukkan etika profesional
- Cemerlang dalam akademik
- Mempunyai sifat kepimpinan
- Mempunyai pengetahuan dalam organisasi dan perguruan
- Mempunyai kemahiran sosial
- Boleh bekerjasama dalam satu kumpulan
- Boleh bekerja dalam suasana global

Ciri yang hampir sama dirumuskan juga oleh Siddiq Fadhil (1998) yang perlu dimiliki oleh umat bagi menghadapi alaf baru. Ciri-ciri tersebut antara lainnya ialah :

- Mempunyai ilmu yang mantap, dan dapat mengolah ilmu dan maklumat bagi menghadapi realiti dan cabaran baru dengan cepat dan tepat.

- Mengamalkan proses pembelajaran sepanjang hayat, amalan ini penting bagi menghadapi dunia yang sentiasa berubah dengan pesat dan cepat.
- Mempunyai keberanian membuat keputusan yang besar dan mempunyai risiko. Dalam membuat keputusan itu mereka perlulah peka terhadap keadilan sosial, perpaduan nasional dan kemanusiaan sejagat.
- Mempunyai harga diri dan percaya kepada diri, bertunjangan keimanan yang mendalam sebagai asas kekuatan dalaman.
- Mempunyai kemampuan "*keantarabangsaan*" yang membolehkannya berperanan dalam negara dan serantau serta di peringkat antarabangsa.
- Mempunyai penghayatan agama yang kuat dan etika yang tinggi, bagi membimbing perubahan dan pemilihan dan pemanfaatan terhadap teknologi yang berkembang.
- Mempunyai kepakaran yang mendalam dalam agama, yang membolehkannya berijtihad, mentafsirkan agama dengan baik, agar terbukti relevansinya dengan perkembangan baru abad 21.

Dalam konteks UiTM pula, graduan berpersonaliti unggul digambarkan oleh Prof. Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah (2004) sebagai graduan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berpengetahuan dan berkemahiran
- Kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal
- Rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketerampilan, bebas dan yakin
- Berdikari dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan, keusahawanan, dan kemahiran pengurusan yang tinggi
- Mempunyai kecerdasan dan ketahanan mental serta fizikal yang berpanjangan
- Mempunyai sifat jati diri, patriotik, berterima kasih dan bersyukur
- Beretika, bertaqwa, berakhlak mulia serta mempunyai ciri-ciri personaliti yang seimbang, harmonis dan holistik.

Dalam konteks pelajar atau mahasiswa berpersonaliti unggul pula, Dato' Dr. Fadzilah Kamsah (2005) telah menyenaraikan sifat-sifat berikut:

- Iman yang kental
- Matlamat yang jelas dan cintakan ilmu
- Minda yang cerdas (positif, kreatif dan proaktif)
- Jiwa yang tenang (emosi yang kental)
- Jaringan persahabatan yang luas dikalangan orang yang positif
- Berwibawa dan berjiwa pemimpin
- Sentiasa ikhlas dalam setiap tindakan dan kegiatan
- Mempunyai pemikiran yang global
- Mempunyai nilai estetik
- Melakukan setiap kegiatan dengan penuh semangat dan sebaik mungkin
- Memandang ke depan dengan positif serta mudah memaafkan orang lain
- Sentiasa doa mendoakan di antara satu sama lain
- Bekerja keras untuk menyeimbangkan hidup dan membentuk prioriti dengan saksama

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa personaliti unggul adalah berbentuk keseimbangan antara rohani dan jasmani. Oleh itu, konsep "*tawazun*" amat sesuai dalam melihat personaliti unggul ini. Konsep "*tawazun*" bermaksud keseimbangan antara akal dan hati nurani, antara penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan nilai-nilai moral dan fikir dengan zikir. (Majid Ersan al-Kalami 1997: 10).

CABARAN DAN HALANGAN

Untuk melakukan sesuatu yang elok dan sempurna bukanlah suatu perkara yang senang dan mudah. Ianya pastinya berhadapan dengan cabaran dan halangan. Begitu juga dengan usaha untuk melahirkan personaliti unggul ini tidak lepas dari realiti tersebut. Dalam hal ini, pandangan Prof. Muhamad Kamal Hassan (1988) dirasakan masih relevan apabila beliau menghuraikan di antara faktor yang boleh melunturkan keperibadian insan dalam membina insan yang berkualiti. Di antara faktor tersebut ialah :

- Ibu bapa dan keluarga yang tidak mementingkan akhlak kerana terlalu ghairah terpengaruh dengan kehidupan kebendaan.
- Tidak ramai pemimpin atau negarawan yang boleh dijadikan teladan akhlak yang mulia.
- Dasar pembangunan yang masih dualistik yang tidak menekankan kesepaduan pembangunan insan. Ini menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak dijiwai oleh akhlak yang mulia.
- Amalan ekonomi pasaran bebas yang menekankan pertumbuhan satu asas yang telah memihak kepada modal dan golongan berada mempengaruhi sikap dan perlakuan golongan terpelajar yang sebahagian besarnya mementingkan kelulusan akademik dan mengurangkan nilai-nilai akidah yang mulia.
- Wujudnya tekanan daripada golongan pimpinan di sekolah dan pusat pengajian tinggi supaya nilai-nilai agama dan akhlak terus terpisah daripada pendidikan profesional sehingga dasar “penerapan nilai-nilai Islam” tidak mendapat sambutan yang ikhlas. Di sesetengah institusi, sambutan itu berbentuk “lip – service” sahaja.
- Dasar pendidikan yang berorientasikan kecemerlangan akademik semata-mata yang beroperasi di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi melemahkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.
- Sikap guru atau pensyarah yang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan kepentingan kebendaan dan persaingan keduniaan sehingga melemahkan peranan mereka sebagai pendidik yang sejati.
- Persekitaran yang mendorong kehidupan yang tidak menekankan akhlak yang mulia tetapi menunjukkan bahawa kejayaan dan kesenangan hidup banyak bergantung kepada faktor-faktor wang, pengaruh, status kedudukan dalam parti, perlindungan politik, hubungan dengan golongan atasan dan pragmatisme.
- Peranan budaya liberal dan media massa, cetak dan elektronik yang menonjolkan nilai-nilai kehidupan kebendaan, keseronokan hawa nafsu dan kebebasan individu yang melampaui batas kesucilaan.

KEMBALI KEPADA PAKSI

Semua isu dan persoalan yang dibincangkan sebelum ini menunjukkan betapa pembinaan insan berpersonaliti tinggi adalah satu agenda penting, besar dan mencabar iaitu “membina manusia” dalam erti yang sebenarnya. Dalam hal ini pandangan Dr. Tajul Ariffin Noordin dan Dr. Nor Aimi Dan (1992), masih lagi relevan khususnya dalam menyentuh peranan pendidikan dan pendidik yang antara lainnya melibatkan persoalan berikut:

1. Pemantapan kefahaman dengan secukupnya falsafah pendidikan hasrat yang terkandung di dalamnya dan matlamat yang ditujuinya. Kefahaman mestilah diiringi dengan kesedaran, keinsafan, amalan dan penghayatan. Pendidik harus menyokong penuh paksi pendidikan iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
2. Menghayati konsep bersepadu yang meletakkan konsep ilmu dan amal sebagai satu kesatuan yang kukuh dan mengimbangi kepentingan rohani, akal dan jasmani. Pendidik mestilah mencerminkan keselarasan, keseimbangan, keserasian dan keharmoniaan faktor-faktor tersebut.
3. Pendidik perlulah menjadi pencinta ilmu yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan dan oleh itu sentiasa berterusan belajar. Mereka merupakan gedung ilmu bagi pelajar, pencetus idea dan pemupuk semangat belajar dan menekankan bahawa pendidikan merupakan proses berterusan sepanjang hayat.
4. Pendidik harus mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan kemahiran, melaksanakan pengajaran secara bersepadu dengan memelihara antara pengetahuan dengan amal antara ucapan dan perlakuan.
5. Pendidik perlulah menjadi model yang di kagumi oleh pelajar selain dari ibu bapa. Oleh itu, pendidik wajib menjadi teladan yang baik bagi muridnya. Ini dimanifestasikan dengan budi bahasa yang betul, kehalusan dan kesempurnaan kerja, rupa diri dan kesesuaian pakaian, amanah tentang hal-hal rahsia, rajin dan cekap
6. Mempunyai ciri-ciri pendidik yang positif, kreatif dan inovatif.

Justeru proses pendidikan yang berupaya mendidik dan mengawasi batin yang membentangi jiwa daripada pelbagai penyakit psikologi, putus asa dan kecewa sangat diperlukan. Demikian juga peranan pendidik yang meringankan beban musibah, mendorong semangat berkorban dan berusaha untuk melahirkan manusia yang memiliki personaliti unggul. Firman Allah s.w.t :

“Aku sekali-kali tidak minta upah kepadamu atas ajakan-ajakan itu, upahku tidak lain hanyalah daripada Tuhan semester alam”. (al-Syu’araa’ 26:109)

PERANAN CITU

Secara ringkasnya penggabungan Pusat Pendidikan Islam (HEA) dengan Unit Agama (HEP) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pada 19 Mac 2003. Penggabungan ini telah mewujudkan satu nama baru iaitu Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam dengan singkatan CITU (*Center for Islamic Thought and Understanding*).

Pada 13 Januari 2004, CITU telah diisytiharkan secara rasmi penubuhannya oleh Naib Canselor UiTM di Majlis Pelancaran CITU yang diadakan di INTEKMA Resort, Shah Alam. Dengan penubuhan ini Pusat Pendidikan Islam dan Unit Agama telah digabungkan dalam satu organisasi. Dengan penggabungan CITU di Shah Alam, maka keseluruhan cawangan juga memerlukan penstrukturan yang baru. Maka UiTM Pahang juga telah mengorak langkah dengan mewujudkan CITU Pahang.

Sekarang CITU ditadbir terus di bawah Pengarah Kampus Pahang. Pentadbiran organisasi CITU diketuai oleh Ketua CITU dan disokong oleh empat koordinator iaitu :-

1. Koordinator Pembangunan Akademik dan Kualiti
2. Koordinator Pendidikan Asas dan Pengkhususan
3. Koordinator Pendidikan Elektif, Lanjutan dan Hubungan Industri
4. Koordinator Pembinaan Kerohanian dan Kemajuan Islam.

Dalam konteks UiTM, peranan CITU amat berat dan mencabar dalam usaha membantu pihak universiti melahirkan insan berpersonaliti unggul khususnya di kalangan pelajar atau graduannya di samping tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak yang lain. Di antara proses-proses yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan ialah :

1. Memperkemas isi dan pendekatan pengajaran agar ia benar-benar mencapai matlamat. Penawaran kursus pendidikan Islam peringkat asas (semester 1 dan 2) menekankan soal akidah, syariah dan akhlak. Manakala program pengkhususan Islam untuk semester 3 seperti falsafah sains, ekonomi Islam, pengurusan Islam dan lain-lain.
2. Memberi perkhidmatan kepada masyarakat kampus terutama dalam kegiatan atau hal-hal keIslaman seperti program bulan-bulan Islam seperti Nuzul Quran, Maulidul Rasul, dan khidmat nasihat kepada pelajar.
3. Memperkenalkan program yang praktikal untuk seluruh pelajar ke arah pemupukan insan berpersonaliti unggul seperti program pembinaan sahsiah siswa dan siswi.
4. Mengadakan jaringan yang strategik dengan pihak yang berkepentingan sama ada peringkat dalaman mahupun luaran. Dalam usaha murni ini peringkat dalaman melibatkan HEP, Keselamatan dan lain-lain manakala organisasi luar seperti Jabatan Agama, Majlis Agama dan agensi kerajaan serta swasta yang lain.

KESIMPULAN

Membina insan berkualiti unggul merupakan satu keperluan jika umat Islam ingin menjadi ummah yang berkualiti dan bermaruah. Ianya perlu bertunjangkan kekuatan dalaman dan kemantapan jiwa serta kemahiran semasa yang sesuai dengan cabaran dan tuntutan zaman.

Sesungguhnya insan yang berpersonaliti tinggi amat didambakan oleh umat kerana insan sedemikian mampu menyumbang ke arah kemajuan agama, bangsa dan negara. Di dalam Al-Quran, Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa semua benda di sekeliling manusia akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah s.w.t. adalah kekal sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nahl : 96 yang bermaksud;

“Apa yang di sisimu akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah adalah kekal”.

Oleh itu, usaha yang baik untuk merealisasikan insan berpersonaliti unggul adalah amat diperlukan dan sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada kehidupan kampus secara keseluruhan. Kerjasama dan pengembelian usaha semua pihak wajar difokuskan untuk mengukuhkan keseriusan membina pelajar berpersonaliti unggul. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.” (al-Zalzalah, 99 : 7)

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim. (1990). *Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah al-Kathir. (1993). *Kekalahan Psikologi Kaum Muslimim*. Jakarta : Darul Falah.
- Ibrahim Abu Shah, 2004, *Perutusan Tahun Baru 2004*, UiTM, Shah Alam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khurshid Ahmad. (1974). *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : ABIM.
- Majid Ersan al-Kalani. (1997). *“Mendidik Peribadi Muslim”*, Terjemahan Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Fadzilah Kamsah. (2005). “Perubahan Bersepadu Menjana Mahasiswa Cemerlang”. Dalam Abdul Razak Ahmad, *Mahasiswa Abad 21*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Kamal Hassan. (1998). *Pendidikan dan Pembangunan : Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Rasid Muhamad. (1992). “Penghayatan Islam dan Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran” dalam Kursus Asas Pengajaran Bagi Pensyarah Baru ITM, Anjuran USPP, Shah Alam, 18 Jun 1992.
- Rasid Muhamad. (1996). *Matra Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : ABIM.
- Rasid Muhamad. (2003). “Pendidikan Agama dan Nilai : Satu Penegasan Semula” . *Prosiding Konferansi Akademik 2003*, Anjuran UiTM Pahang, di Holiday Villa Cherating, Kuantan, 5-7hb Disember 2003.
- Siddiq Fadhil. (1998). *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.
- Wan Hamidon Wan Badaruzzaman (2005). “Mahasiswa Bertaraf Dunia”. Dalam Abdul Razak Ahmad, *Mahasiswa Abad 21*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.